

# Tiga kadar bayaran zakat fitrah

Beri pilihan umat Islam di Pulau Pinang bayar zakat fitrah lebih tinggi

Oleh MOHD ISKANDAR OTHMAN  
SEBERANG JAYA

Tiga kadar bayaran zakat fitrah ditetapkan di Pulau Pinang pada tahun ini iaitu RM7, RM14 dan RM21.

Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Datuk Dr Mohamad Abdul Hamid berkata, tiga kadar tersebut ditetapkan bagi memberi peluang kepada umat Islam di negeri itu yang mempunyai kemampuan membayar zakat fitrah lebih tinggi.

Menurutnya, ketetapan itu dibuat selepas mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang dan diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong selaku Ketua Agama Islam bagi negeri Pulau Pinang.

"Perincian kadar harga zakat fitrah ialah RM7 bagi mereka yang menggunakan atau makan beras super spesial tempatan lima peratus, beras han-

cur atau lain-lain setara dengannya.

"Kadar RM14 pula bagi mereka yang makan beras rebus, Thai white rice, beras putih import, beras perang, manakala bagi kadar RM21 pula untuk mereka yang makan beras wangi, beras pulut, beras basmati, beras herba ponni, beras balrose atau yang setara dengannya," katanya semasa sidang akhbar di sini pada Selasa.


Hadir sama, Timbalan Yang Dipertua MAINPP, Datuk Roslan Ahmad dan Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang (ZPP), Datuk Amran Hazali.

Dr Mohamad yang juga Exco Agama Islam berkata, ZPP menerusi amil zakat fitrah dilantik oleh MAINPP berjaya menutup RM6.84 juta pada tahun lalu.

Melihat kepada prestasi kutipan yang memberangsangkan itu, pada tahun ini katanya, ZPP menyasarkan kutipan zakat fitrah sebanyak RM7 juta.

"Tahun ini jumlah kariah dan pusat kutipan yang dilantik oleh MAINPP adalah 237 kariah dengan jumlah amil diauliahkan seramai 1,699 orang di seluruh Pulau Pinang," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut menasihatkan umat Islam di Pulau Pinang agar membayar zakat fitrah kepada amil yang sah dan dilantik oleh MAINPP sebagaimana yang dinyatakan di bawah Seksyen 16, Enakmen Kesalahan



Mohamad (tengah) bersama Roslan (kanan) dan Amran menunjukkan tiga kadar zakat fitrah yang ditetapkan tahun ini bagi Pulau Pinang semasa sidang akhbar pada Selasa.

Jenayah Syariah Negeri Pulau Pinang 1996.

"ZPP menggalakkan agar umat Islam di Pulau Pinang dapat menunaikan zakat fitrah mereka melalui kaedah dalam talian yang disediakan seperti melalui portal [zakatpenang2u.com](http://zakatpenang2u.com) dan JomPay.

"Segala urusan penerimaan zakat

harta oleh ZPP seperti zakat pendapatan, zakat wang simpanan, zakat emas dan perak serta zakat-zakat yang lain masih beroperasi seperti biasa di semua kaunter-kaunter perkhidmatan ZPP seluruh negeri Pulau Pinang mengikut waktu operasi yang akan diuarkan di saluran-saluran media sosial ZPP," jelas beliau.

## Kadar zakat fitrah di Terengganu RM10, RM22

KUALA TERENGGANU - Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) menetapkan dua kadar zakat fitrah di negeri itu pada tahun ini iaitu tidak kurang RM10 dan RM22.

Yang Dipertua, Datuk Shaikh Harun Shaikh Ismail berkata, penetapan kadar itu berdasarkan harga beras mengikut gred dan jenis yang dimakan kebanyakan umat Islam di Terengganu.

Menurutnya, harga beras setempat ditetapkan oleh Padiberas Nasional Berhad (Bernas) bagi beras Super Tempatan Gred A mengikut timbangan segantang nilai Baghdad bersamaan RM2.60 sekilogram.

"Pada tahun ini, harga jualan beras fitrah bagi beras gred Super Tempatan 5 peratus hancur dijual dengan kadar RM7 segantang atau RM2.60 sekilogram berdasarkan harga purata beras terendah.

"Namun, beras gred ini amat sukar didapati di Terengganu. Tinjauan di pasaran mendapati sekitar 30 peratus sahaja kedai yang ada bekalan jenis itu.

"Harga jualan beras fitrah bagi gred pertengahan iaitu beras Super Import atau beras siam dijual pada kadar RM11 segantang atau RM4 sekilogram. Selain itu, harga jualan beras bagi gred tertinggi iaitu beras basmati pula dijual pada kadar RM22 segantang atau RM8.40 sekilogram," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang



Shaikh Harun (tiga dari kiri) menyerahkan bantuan zakat sempena Ramadan kepada penerima di Dewan Terbuka JHEAT, Kuala Terengganu pada Selasa.

akhbar selepas menyempurnakan agihan bantuan zakat asnaf fakir miskin sempena Ramadan di Dewan Terbuka Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) di sini pada Selasa.

Mengulas lanjut, Shaikh Harun berkata, berdasarkan realiti itu, kadar zakat fitrah bagi tahun ini ditetapkan dengan dua kadar sahaja iaitu tidak kurang RM10 bagi setiap orang dan RM22 bagi mana-mana orang yang memakan beras jenis basmati atau yang setara dengannya.

Beliau berkata, seramai 903 orang amil zakat termasuk 53 lantikan baharu

akan ditugaskan mengikut kawasan masing-masing bagi membantu melancarkan urusan pungutan zakat di Terengganu.

"Kita menyasarkan kutipan zakat fitrah pada tahun ini meningkat kepada RM11 juta berbanding RM10.3 juta pada tahun lalu," ujarnya.

Tambah beliau, kutipan zakat pada tahun lalu ialah sebanyak RM255 juta dengan peningkatan 11.9 peratus berbanding 2022 yang meliputi zakat fitrah, zakat harta, zakat tanaman, zakat wang simpanan, zakat ternakan, zakat perniagaan, zakat emas/perak, zakat pen-

dapatkan dan zakat galian.

"Jumlah agihan zakat pada 2023 ialah RM257 juta dengan peratusan peningkatan agihan zakat sebanyak 10 peratus berbanding 2022," katanya.

Menurutnya, seramai 25,887 orang menerima agihan bantuan zakat sempena Ramadan di seluruh negeri dengan peruntukan RM13 juta.

"Terdapat tiga kategori agihan iaitu RM300 bagi mereka yang tinggal seorang diri, RM500 untuk isi rumah seramai dua atau tiga orang dan RM700 bagi isi rumah empat orang ke atas," kata beliau.